



Sebahagian pelajar yang mengikuti kelas untuk golongan bekerja yang diadakan **sekali sebulan di AeU.**

# Bekerja sambil belajar di AeU

» *Guru agama kini berpeluang lanjut pelajaran, miliki ijazah*

Oleh Siti Nurazlinee Azmi  
sitinurazlinee@bh.com.my

**S**tigma kekangan masa bagi golongan bekerja untuk menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi bukan hanya berlaku pada mereka yang bekerja di sektor swasta tetapi turut menjadi alasan bagi kakitangan kerajaan, terutamanya guru.

Sebelum ini, melalui Pendidikan & Sains Kognitif (SECS), Asia e University (AeU) memperkenalkan program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan pengkhususan Pengajian Bahasa Melayu, Pengajaran Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak.

Kini, Sekolah Pengajian Sastera, Kemanusiaan dan Sains Sosial (SAHUSS), AeU pula memperkenalkan program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan dengan pengkhususan Pengajaran Pengajian Islam Peringkat Sekolah Rendah dan Diploma Pengajian Islam.

Pemangku Dekan SAHUSS, Mohd Fazil Ismail, berkata program itu mengambil kira keperluan semasa dengan memasukkan subjek seperti perkembangan emosi dan sosial kanak-kanak, psikologi pendidikan dan kanak-kanak dan keperluan istimewa.

"Ia bagi menyediakan guru agama yang bersedia dari aspek akademik, emosi dan mental apabila berhadapan dengan murid," katanya.

Pengetahuan mengenai bidang psikologi dipercayai da-

pat membantu guru untuk tampil lebih yakin dan seterusnya dapat mengenali dan menguasai pelajar dengan lebih baik.

## Lebih fleksibel

Bagi guru agama yang memiliki diploma diiktiraf oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) sama ada daripada Institut Pendidikan Guru (IPG) atau daripada IPTA/IPTS, mereka mempunyai peluang untuk memendekkan tempoh pengajian melalui pemindahan kredit bagi subjek yang relevan sehingga maksimum 30 peratus dari nilai kredit keseluruhan.

Ini bermakna, guru dapat mengurangkan sehingga satu tahun tempoh pengajian berdasarkan pengambilan tiga subjek bagi setiap semester.

"Bagi mereka yang tidak mempunyai diploma dalam bidang pendidikan, namun berminat untuk mengikuti program ini, mereka boleh memohon melalui Sistem Kemaskin Terbuka iaitu memiliki sekurang-kurangnya Penilaian Menengah Rendah (PMR) atau Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan berumur sekurang-kurangnya 21 tahun ketika permohonan dibuat.

"Dengan jadual kelas yang ditetapkan sekali dalam sebulan dan dijalankan di setiap negeri di Malaysia, pelajar tidak perlu lagi khuatir perihal pembahagian masa kerana di AeU pembelajaran dikhususkan mengikut keperluan pelajar," katanya.

Pengambilan pelajar bagi sesi pengajian Mei 2015 kini dibuka dan pendaftaran boleh dibuat secara terus di kaunter pendaftaran di Jalan Sultan Sulaiman, Kuala Lumpur; di Pusat Pengajian AeU di setiap negeri atau memohon secara dalam talian di [www.aeu.edu.my](http://www.aeu.edu.my). Untuk maklumat lanjut, lawati [www.aeu.edu.my](http://www.aeu.edu.my) atau hubungi talian bebas tol 1-300-300-238.